

## Faktor Pemilihan Pekerjaan Tidak Formal dalam Kalangan Generasi Muda

*The Blue Collar Job Selection among Youth*

ROSNIZA AZNIE CHE ROSE, NUR HANIS MISRIN, NOORDEYANA TAMBI & JUNAIDI AWANG BESAR

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan untuk melihat kepada faktor pemilihan kerjaya golongan generasi muda dalam sektor tidak formal. Perkembangan bandar Gemas, Negeri Sembilan telah mewujudkan peluang ekonomi terutama dalam sektor tidak formal kepada penduduk di kawasan sekitarnya. Majoritinya, golongan generasi muda telah melihat perkembangan ekonomi melalui sudut yang positif sehingga menyebabkan mereka tidak perlu lagi untuk bermigrasi ke luar untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Walaubagaimanapun, purata pendapatan dalam sektor ini adalah kecil dan tidak menentu kerana bergantung kepada jumlah pelanggan yang diperolehi sehingga dikatakan golongan generasi muda tidak mampu meningkatkan taraf ekonomi mereka. Justeru, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis atau profil aktiviti pekerjaan yang diceburi. Di samping itu, menganalisis jumlah pendapatan dan perbelanjaan serta beberapa cadangan diperlukan bagi meningkat kesedaran generasi muda terhadap pendidikan. Instrumen kajian yang telah digunakan adalah dengan mengedarkan borang soal selidik kepada generasi muda yang terlibat secara langsung dalam pekerjaan tidak formal dan temu bual tidak langsung bersama responden bagi mendapatkan maklumat tambahan. Seramai 150 orang responden dipilih berdasarkan kaedah Krejcie dan Morgan. Mengikut hasil kajian yang dianalisis menggunakan Statistical Package For Science Social (SPSS) mendapati pendapatan yang diperolehi juga mencukupi dan sesuai dengan perbelanjaan yang dilakukan. Di samping itu, antara inisiatif yang diwujudkan oleh kerajaan ialah seperti PTPTN, TVET, MARA dan JPA untuk menggalakkan generasi muda mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi. Maka, pembangunan golongan generasi muda haruslah sentiasa dipertingkatkan bagi menjamin kemajuan masyarakat dan negara.*

*Kata kunci:* Belia; geografi penduduk; pekerjaan; usahawan; sosioekonomi

### ABSTRACT

*This study was conducted to look at the factors of career selection among youth in the informal sector (blue collar). The development of the town of Gemas, Negeri Sembilan has created economic opportunities especially in the informal sector for the people in the surrounding area. The majority of the younger generation has seen economic growth in a positive way in terms of employment opportunities that has led them to find a job without leaving the rural area. However, the average income in this sector are small and unpredictable as it depends on the pace of local economic activity so it is said that the younger generation in rural area unable to improve their economic status. Therefore, this study aimed to identify the type or profile of job activity involved. In addition, analyzing the amount of income and expenditure as well as some suggestions needed to raise awareness of the young generation in education. The research instrument used was questionnaire distribution to young people directly involved in informal employment and indirect interviews with respondents for additional information. A total of 150 respondents were selected based on the Krejcie and Morgan methods. According to the results of the analysis analyzed using the Statistical Package For Science Social (SPSS) found that the income earned is sufficient and in line with the expenses incurred. In addition, among the initiatives undertaken by the government are PTPTN, TVET, MARA and JPA to encourage young people to get higher education. Therefore, the development of the younger generation should be constantly enhanced to ensure the progress of the community and the nation.*

*Keywords:* Youth; population geography; occupationa; entrepreneurial; socioeconomic

## PENGENALAN

Generasi muda atau golongan belia merupakan individu yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, dalam Dasar Pembangunan Belia Negara, tumpuan terhadap generasi muda adalah mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Fuad dan Junaidi (2012) menyatakan pada peringkat umur sebegini, adalah normal bagi individu tersebut untuk berubah daripada seseorang yang bergantung dalam berfikir dan bertindak (*dependant*) kepada seseorang yang bebas (*independent*). Di samping itu, keupayaan generasi muda yang tinggi, serta keperluan dan harapan (*expectation*) yang tinggi menyebabkan keupayaan mereka untuk mengubah bukan sahaja kehidupannya sendiri tetapi juga masyarakat dan persekitarannya.

Pertumbuhan ekonomi amat penting untuk mendorong kenaikan peluang pekerjaan yang teguh bagi meningkatkan pendapatan boleh guna dan seterusnya merangsang perbelanjaan pengguna (Maziah 2005). Perkembangan ekonomi turut mendorong kepada pembukaan pusat ekonomi baru. Menurut Helmi (2004), lokasi perniagaan sangat penting dalam mendapatkan pasaran di mana lokasi tersebut haruslah baik dan strategik di kawasan bandar termasuklah bandar kecil seperti Gemas. Bandar kecil berfungsi sebagai pusat perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar yang memainkan peranan yang penting dalam pembangunan. Pertumbuhan sektor perniagaan yang semakin berkembang menyebabkan terjadinya perubahan pada rupa fizikal, struktur bandar dan cabaran kepada peniaga (Rosniza Aznie et al. 2015).

Namun, dalam perkembangan ekonomi yang semakin pesat, masyarakat turut menghadapi kos sara hidup serta bil utiliti yang semakin meningkat. Oleh demikian, generasi muda akan lebih cenderung untuk menjadikan pekerjaan sebagai pilihan utama berbanding melanjutkan pelajaran. Generasi muda kini percaya bahawa mereka mampu memperoleh banyak pengalaman yang akan membantu diri sendiri dalam mendapatkan kerjaya yang lebih cerah pada masa hadapan. Golongan ini juga amat yakin bahawa pada hari ini majikan lebih melihat kepada pengalaman kerja berbanding kelulusan semata-mata. Peluang untuk bekerja dalam sektor tidak formal juga lebih terbuka luas dalam apa juga bidang sekalipun, berbanding menyambung pendidikan ke tahap yang lebih tinggi lalu fokus terhadap bidang yang dipelajarinya. Seterusnya,

generasi muda kini gemar untuk memilih bekerja secara bebas atau '*freelancer*', (Mahanum 2017). Di samping itu, terdapat faktor lain iaitu kebergantungan yang tinggi terhadap ibu bapa atau kata lain adalah kemandirian yang rendah. Generasi muda yang tidak mempunyai minat untuk bermigrasi keluar, lebih memilih menetap bersama keluarga dan mencari pekerjaan yang berhampiran dengan petempatan keluarga.

Menurut laporan akhbar Utusan Malaysia (2011), masyarakat Malaysia yang mengalami pertumbuhan pendapatan yang perlahan dan kumpulan isi rumah yang termiskin yang terdiri sebahagiannya dari 80 peratus jumlah pekerja berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini turut disebut dalam kajian dilakukan oleh Katty Hsiao et al. (2015) yang menyatakan salah satu punca utama kemiskinan generasi muda ialah tahap pendidikan yang rendah. Selain itu, wujud faktor lain antaranya seperti faktor pendidikan, faktor kerajaan, faktor keluarga dan sebagainya. Oleh yang demikian, orang miskin dikatakan berkecenderungan untuk melibatkan diri dalam pekerjaan dan kurang berminat dalam mencapai kemahiran akademik secara relatifnya. Seterusnya, pemilihan generasi muda untuk bekerja berbanding menyambung pelajaran pada masa kini, mampu memberikan tanggapan atau persepsi negatif terhadap individu tersebut. (Siti Farahiyah 2016). Walau bagaimanapun, penyelidikan harus dilakukan untuk mengenalpasti faktor utama yang mendorong generasi muda untuk bekerja dalam sektor tidak formal. (Buerah & Zoolhilmi 2015).

Perkembangan ekonomi pada masa kini menyebabkan ramai generasi muda tidak lagi berpindah atau bermigrasi ke luar termasuklah generasi muda yang berada di sekitar kawasan Gemas. Hal ini demikian kerana, wujudnya pusat ekonomi atau ruang perniagaan yang memberikan peluang pekerjaan kepada mereka. Jika dahulunya, kita dapat lihat ramai di antara mereka yang berpindah ke bandar yang berhampiran dengan pusat industri, namun kini generasi muda lebih selesa untuk menetap bersama keluarga dan mencari pekerjaan di kawasan yang berhampiran. Faktor ini juga dipengaruhi oleh, kos sara hidup yang semakin tinggi dan tahap pendidikan yang rendah. Oleh itu, peluang-peluang ekonomi yang wujud di Gemas menyebabkan generasi muda tidak lagi berpindah, lalu wujudnya lambakan generasi muda di kawasan tersebut.

Pemilihan pekerjaan dalam sektor tidak formal menyatakan bahawa generasi muda tidak mampu

meningkatkan taraf ekonominya. Hal demikian, purata pendapatan dalam sektor adalah kecil iaitu, RM1500 dan ke bawah. Namun, melalui pemerhatian tidak turut serta melalui laman sosial seperti instagram, facebook dan twitter terhadap golongan generasi muda kebanyakannya mereka mempunyai gaya hidup mewah seperti penggunaan telefon bimbit iphone. Maka kemungkinan yang dapat kita lihat, samada generasi muda ini masih mempunyai kebergantungan terhadap ibu bapa walaupun sudah bekerja.

Umum mengetahui, kebanyakannya generasi muda tidak lagi melihat peluang untuk menyambung pelajaran sebagai usaha untuk memperbaiki ekonomi keluarga dan masyarakat, walaupun terdapat banyak dasar kerajaan yang membantu terutama kepada golongan yang kurang berkemampuan bagi mendapat pendidikan. Faktor ini disebabkan, berlaku pengangguran dalam kalangan graduan menyebabkan generasi muda tidak lagi mahu menyambung pelajaran. Oleh itu, usaha harus diambil oleh pelbagai pihak bagi menyedarkan kepentingan pendidikan samada di peringkat kemahiran atau formal kepada generasi muda.

Bagi menacapi matlamat kajian, beberapa objektif kajian telah dikenalpasti seperti yang berikut :-

1. Mengenalpasti profil aktiviti / jenis pekerjaan yang diceburi oleh generasi muda
2. Menganalisis jumlah pendapatan dan juga perbelanjaan generasi muda.
3. Membuat cadangan bagi meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap pendidikan.

## KAJIAN LEPAS

Kajian ini menulis berkaitan pemilihan generasi muda yang membuat pilihan utama untuk bekerja dalam sektor tidak formal. Kajian oleh Mohd Taib (1993) menyatakan sektor tidak formal ini dianggap sebagai pekerjaan ‘kuli’ atau ‘peniaga kelas bawahan’. Walaubagaimanapun, masih terdapat golongan generasi muda yang mahu terlibat dalam pekerjaan tidak formal ini, sama ada di kawasan bandar maupun pinggir bandar. Perkembangan ekonomi yang pesat telah memberi kesan terhadap peningkatan taraf hidup masyarakat. Di samping itu, jumlah graduan yang semakin ramai menyebabkan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan yang semakin sengit. Kedua-dua perkara

ini saling berkait kerana pertumbuhan ekonomi amat penting untuk mendorong kenaikan peluang pekerjaan yang teguh serta dapat meningkatkan pendapatan boleh guna dan seterusnya merangsang perbelanjaan pengguna.

Konsistensi Habermas dalam jalur Maxian merupakan epistemologi utama dalam penulisan makalah ini. Ia merupakan pengembangan konstruktif ilmu dalam membincangkan konsep materialisme menurut Karl Marx. Hal ini kerana, manusia menentukan pemilihan hidup bukan di atas kesedaran mereka, sebaliknya adalah disebabkan oleh keadaan sosial yang berlaku dalam persekitaran mereka. Keadaan sosial tersebut boleh dihubungkan dengan unsur material iaitu ras, iklim dan gaya hidup. Marx melihat perkara tersebut bukan sebagai penentu utama, sebaliknya kaedah pemilihan material tersebut dalam mobiliti sosial yang lebih tinggi seperti jenis barang yang dibeli dan jenama (Suseno (1997). Cara seseorang individu itu membuat pilihan pekerjaan dalam kehidupannya merupakan ekspresi seni (*sensuous activity*) yang sangat penting bagi pembentukan diri manusia (Purwantoro 1997). Dalam epistemologi terdapat asas moral yang secara implisit dan eksplisit) iaitu setiap kaedah penyelidikan haruslah dilakukan dengan berintegriti dalam mendapatkan hasil kajian yang tepat (Komara 2010). Bahkan, dalam beberapa kajian perkembangan ilmu, posisi epistemologi ini mempunyai standard pengujian yang kukuh kerana penelitiannya mewakilkan sampel kajian (responden) yang mencukupi mengikut kepada kaedah penentuan kuantitatif yang ditetapkan. Ia melibatkan belia berumur di antara 15-40 tahun.

## KONSEP PEKERJAAN

Pekerjaan pada kata dasarnya adalah kerja yang bermaksud melakukan sesuatu secara sukarela, melalui arahan, cara paksaan dan mempunyai masa kerja yang telah tetap atau ditentukan. Selain itu, mengikut istilah umum bermakna membuat atau melakukan sesuatu bagi mendapatkan hasil, upah, ganjaran, berpendapatan tetap. Pekerjaan atau aktiviti-aktiviti yang dilakukan adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan psikologi, ekonomi dan sosiologi individu dan ini direalisasikan dengan bekerja hingga berjaya. Keusahawanan dianggap sebagai pemacu kepada perkembangan ekonomi negara (Norasmah & Sumathy 2012) serta menjamin kelestarian hidup masyarakat (Ravi & Nor Aishah 2016).

Sumbangan signifikan ini, dimanifestasikan apabila usahawan menubuhkan perniagaan baru, mencipta peluang pekerjaan, menjana kreativiti dan inovasi serta mengeksplorasi sumber negara ke tahap maksimum (Rosna & Norasmah 2018).

#### *Konsep Sektor Tidak Formal*

Mohd Taib (1993) menyatakan sektor tidak formal harus difahami dengan melihat kepada kegiatan ekonomi dalam sesebuah bandar. Kegiatan ekonomi ini melibatkan industri kecil-kecilan tanpa modal intensif, perniagaan pasar malam, penjaja di kaki lima dan perkhidmatan- perkhidmatan kecil yang digelar sebagai '*lower circuit*'. Oleh itu, bagi memahami konsep sektor tidak formal dapat dilihat daripada (Jadual 1) yang menyatakan perbezaan antara sektor tidak formal dan sektor formal.

Selain itu, sektor tidak formal dapat difahami dengan lebih jelas melalui ciri-ciri hak milik, halangan penyertaan, monopolii, penentuan harga, tingkat pengeluaran dan teknik pengeluaran.

#### FAKTOR PENGLIBATAN GENERASI MUDA DALAM SEKTOR TIDAK FORMAL

Situasi ekonomi semasa memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan keadaan sektor pekerjaan. Satu pendekatan yang mampu direncanakan kerajaan supaya sektor swasta sentiasa mampu menjana peluang pekerjaan. Pendekatan ini membabitkan usaha menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat terutama golongan muda. Kecenderungan

golongan muda ke arah dunia keusahawanan bukan sahaja boleh membantu perkembangan ekonomi tetapi pada masa sama dapat mewujudkan peluang pekerjaan. Pertambahan golongan muda dalam kerjaya keusahawanan secara langsung dapat meningkatkan bilangan pembukaan syarikat perniagaan baharu yang boleh menawar peluang pekerjaan kepada golongan pencari kerja.

Kecenderungan generasi muda untuk terlibat dalam pekerjaan sektor tidak formal perlu diambil kira antara faktor personal, faktor sosial dan faktor persekitaran. Umumnya, faktor-faktor ini memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya generasi muda kini. Kajian yang dilakukan oleh Jaafar (2003) menyatakan bahawa terdapat perbezaan minat antara golongan lelaki dan perempuan terhadap bidang pekerjaan yang diceburi oleh mereka. Melalui kajian tinjauan yang dilakukan beliau menunjukkan, kerjaya lelaki lebih cenderung kepada kepada sektor mekanikal, vokasional atau kemahiran yang membolehkan mereka untuk menggunakan kemahiran mereka seperti pekerjaan di bengkel kenderaan atau menukang rumah. Manakala golongan wanita lebih meminati bidang yang berkaitan perhubungan langsung serta dapat menggunakan kreativiti mereka. Masriani (2001) menyatakan faktor ini didorong oleh, pendedahan awal yang diberikan terhadap individu serta hubungannya dengan personaliti. Selain itu, faktor realiti yang berkaitan dengan kerjaya, iaitu apakah ciri-ciri pekerjaan yang dianggap menarik yang menyebabkan keputusan untuk memilih bekerja di bidang

JADUAL 1.Perbezaan antara sektor formal dan tidak formal

Kenyataan	Sektor Tidak Formal	Sektor Formal
Penglibatan Sumber	Penglibatan yang mudah	Sukar diceburi
Pergantungan Sumber	Pergantungan ke atas sumber tempatan	Pergantungan yang kerap terhadap sumber-sumber luar
Pemilikan	Perusahaan yang menjadi milik keluarga	Perkongsian hak milik
Perusahaan	Perusahaan secara kecil- kecilan	Perusahaan secara besar- besar
Modal/ Teknologi	Penggunaan modal dipelajari intensif dan teknologi yang diubahsuaikan	Kemahiran yang dicapai banyak (intensif) dan selalu menggunakan teknologi import
Kemahiran	Kemahiran dipelajari di luar sistem pendidikan formal	Kemahiran yang dicapai secara formal, serta penggunaan tenaga mahir asing
Pasaran	Pasaran yang tidak menentu dan berasingan	Pasaran yang dilindungi melalui tarif, kuota dan lesen-lesen perniagaan

Sumber: Mohd Taib 1993

tersebut. Di samping itu, faktor pengaruh daripada orang lain yang signifikan seperti ibu bapa, jiran, guru, kaunselor atau rakan sebaya. Biasanya, ibu bapa akan memberi pendedahan kepada anak-anak berkaitan dunia pekerjaan sejak dari kecil bersesuaian norma masyarakat kini.

Penglibatan golongan belia dalam pekerjaan dalam sektor tidak formal adalah dorongan daripada ibu bapa dan keluarga. Trump (2006) dalam bukunya turut menyatakan bahawa minatnya dalam dunia keusahawanan bermula apabila didedahkan dengan perniagaan keluarga sejak kecil lagi oleh bapanya. Kebanyakan daripada perniagaan yang dijalankan oleh mereka dimiliki oleh keluarga. Di samping itu, pengalaman ketika membantu keluarga sejak kecil dalam menjalankan perniagaan di sektor tidak formal telah mendorong minat mereka. Hal ini menunjukkan bahawa dengan adanya pengalaman, dapat memberi lebih keyakinan dan minat kepada seseorang individu untuk memulakan kerjaya dalam sektor tidak formal. Pengalaman tersebut juga dapat memberi maklumat tambahan berkaitan selok belok dan ilmu tentang dunia perniagaan tidak formal. Galakan dan pengalaman turut disokong dengan bantuan modal yang diberikan oleh ahli keluarga. Pekerjaan dalam sektor tidak formal biasanya dimulakan dengan modal yang kecil. Oleh itu, majoriti generasi muda sedaya upaya untuk mengelakkan diri daripada membuat pinjaman perniagaan.

Melalui faktor persekitaran, pengkaji lepas telah membuat tinjauan dari perspektif faktor persekitaran luar. Persekutuan yang dimaksudkan ialah keadaan sekeliling termasuk persekitaran fizikal, iklim, sosiobudaya, politik dan interaksi antara sesama manusia (Lee 1996). Faktor persekitaran seperti lokasi perniagaan berperanan penting dalam mendapatkan pasaran di mana lokasi tersebut haruslah baik dan strategik. Berdasarkan daripada kajian lepas, lokasi yang strategik bagi menjalankan aktiviti perniagaan serta mampu menarik lebih ramai pengunjung adalah antara faktor golongan generasi muda terlibat dalam aktiviti perniagaan. Selain itu, masalah pengangguran dan kekurangan peluang pekerjaan turut mendorong mereka mencebur ke bidang perniagaan (Nurakmar 2017).

Kebanyakan penyertaan individu dalam sektor tidak formal adalah dalam kalangan bumiputera yang mempunyai pendidikan yang rendah (Mohd Taib 1993). Persaingan dalam industri formal yang tinggi menyebabkan mereka memilih untuk

terlibat dalam aktiviti tidak formal. Mereka turut bermigrasi ke kawasan bandar bagi mendapatkan pasaran yang lebih besar berbanding menetap di kawasan kampung. Sektor tidak formal kini semakin penting dan telah menjadi sektor yang dinamik serta berkemampuan untuk mencipta pekerjaan dan memberi peluang-peluang pendapatan terutama kepada penghijrah dari desa ke bandar.

## KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN

Metodologi kajian dalam satu penyelidikan merupakan elemen yang sangat penting untuk memperolehi data atau dapatkan kajian. Data dan maklumat kajian yang diperolehi menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematis dan teratur disamping dapat mencapai objektif yang ingin dikaji. Maklumat daripada responden diperolehi melalui kaeadaan soal selidik akan dikumpulkan untuk dinalisis bagi mendapatkan hasil kajian. Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji akan menerangkan mengenai kaedah pengumpulan data, dan kaedah yang digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi semasa kerja lapangan dijalankan.

Kajian ini ditumpukan kepada kawasan Gemas. Gemas merupakan antara bandar kecil yang menerima limpahan ekonomi melalui projek yang dirancang kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Gemas yang mempunyai kepadatan penduduk yang mencecah 24,889 orang mengikut bancian 2010, kini semakin membangun melalui pembangunan Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad dengan memperkenalkan laluan baharu bagi Perkhidmatan Tren Eletrik (ETS) dari Gemas ke Padang Besar, Perlis. Kedudukannya, yang strategik sempadan antara dua negeri Johor dan Pahang menjadikannya antara bandar perantaraan yang sibuk samada untuk hubungan sosiol atau ekonomi.

Pertumbuhan penduduk kawasan Gemas yang tinggi, merupakan penggalak kepada pertumbuhan di bandar tersebut. Takat penduduk yang tinggi akan mempengaruhi permintaan petempatan seperti kawasan perumahan, maka peluang pekerjaan juga haruslah besar. Desakan dalam petempatan turut diterima melalui Kem Syed Sirajudin yang menempatkan anggota tentera kerana terdapat anggota yang terpaksa menetap di luar kawasan kem. Di samping itu, kawasan perumahan yang juga merupakan keperluan masyarakat setempat

yang secara tidak langsung meningkatkan kuasa beli.

#### REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan pelan tindakan yang dapat memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji, merupakan satu kajian yang dilakukan di Gemas, Negeri Sembilan. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah golongan generasi muda yang melibatkan dalam pekerjaan atau aktiviti tidak formal. Aktiviti ini kebanyakannya dijalankan di kawasan tepi jalan atau berhampiran kawasan perumahan dan semasa pasar pagi atau pasar minggu. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian merupakan pendekatan kuantitaif atau satu kajian tinjauan.

#### KAEDAH PEMILIHAN SAMPEL

Kaedah pemilihan sampel merupakan proses pemilihan yang bersistematik dalam mengambil kes yang ingin dikaji bagi satu populasi untuk penyelidikan. Kaedah pemilihan sampel dalam kajian ini merupakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) atau dengan niat. Kaedah ini merupakan pengambilan responden secara sengaja dengan syarat iaitu ciri atau kriteria yang diperlukan atau yang telah ditetapkan oleh pengkaji. *Purposive sampling* merupakan teknik yang sering digunakan dalam penelitian. Maka, sampel yang diambil tidak secara rawak kerana peneliti menentukan sendiri sampel yang diambil dengan pertimbangan tertentu. Oleh itu, responden yang dipilih untuk melengkapkan kajian ini ialah golongan generasi muda yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun yang terlibat dalam pekerjaan tidak formal. Kebanyakan responden ini akan menjalankan perniagaan di kawasan pertumbuhan ekonomi baru yang dapat menarik pembeli yang lebih ramai. Secara tidak langsung, pemilihan sampel bertujuan ini dapat memudahkan pengkaji untuk mengumpul data dan maklumat daripada sekumpulan sampel khusus dan spesifik serta bertepatan dengan objektif kajian (Rohana 2004).

#### SAMPEL KAJIAN

Jumlah sampel yang digunakan oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada kaedah Krejcie dan Morgan (1970). Penentuan responden dalam kajian ini adalah secara *purposive sampling* iaitu,

hanya tertumpu kepada golongan generasi muda di antara umur 15 tahun hingga 40 tahun yang terlibat dalam menjalankan aktiviti tidak formal. Berdasarkan daripada kajian awal mendapat terdapat 358 jumlah peniaga yang terdapat di bandar Gemas. Kajian yang dijalankan ini pengkaji telah memperolehi seramai 150 orang responden semasa kajian lapangan dijalankan.

#### ANALISIS KAJIAN

Kaedah penganalisaan data dilakukan setelah data primer dan data sekunder diperolehi melalui kaedah pengedaran borang soal selidik. Oleh itu, data yang diperolehi melalui borang soal selidik akan dianalisis menggunakan kaedah *Statistical Package For Social Science (SPSS)*.

#### HASIL KAJIAN

Seterusnya, kajian ini akan hanya memberi tumpuan kepada golongan generasi muda yang terlibat dengan pekerjaan tidak formal di kawasan pasar malam atau pasar tani serta pinggir jalan raya di bandar Gemas sahaja. Pemilihan responden adalah melalui kaedah persampelan bertujuan dengan mengambil kira umur iaitu antara 15 tahun hingga 40 tahun sahaja serta terlibat dalam perniagaan tidak formal. Di samping itu, seramai 150 orang responden telah dipilih untuk menjawab borang soal selidik semasa turun di lapangan bagi mencapai objektif kajian yang telah dibentuk. Oleh itu, melalui hasil kajian pengkaji dapat mengenalpasti faktor utama yang mendorong generasi muda untuk bekerja dalam sektor tidak formal (Jadual 2).

#### PROFIL AKTIVITI ATAU JENIS PEKERJAAN YANG DICEBURI

Jadual 3 menunjukkan jenis profil pekerjaan responden yang melibatkan diri dalam pekerjaan tidak formal semasa pengedaran borang soal selidik. Profil pekerjaan tidak formal ini dipilih melalui pemerhatian yang dijalankan di lapangan iaitu melibatkan kawasan sekitar bandar Gemas sahaja. Melalui jadual tersebut, terdapat beberapa jenis pekerjaan tidak formal yang terdapat di Gemas seperti di bengkel kenderaan, kedai gunting rambut, pemotong rumput, jualan pakaian bundle, jualan makanan, jualan minuman dan lain-lain pekerjaan.

JADUAL 2. Profil Responden

Bil	Profil Responden	Jumlah	Peratusan (%)
1.	Jantina		
	Lelaki	84	56
	Perempuan	66	44
2.	Umur		
	15-20 tahun	36	24
	21-25 tahun	48	32
	26-30 tahun	21	14
	31-35 tahun	27	18
	36-40 tahun	18	12
3.	Status		
	Bujang	87	58
	Berkahwin	60	40
	Janda	0	0
	Duda	3	2
4.	Bangsa		
	Melayu	57	58
	Cina	36	24
	India	27	18
	Lain-lain	0	0
5.	Agama		
	Islam	87	58
	Buddha	24	16
	Hindu	24	16
	Kristian	15	10
	Lain-lain	0	0
6.	Pendidikan		
	UPSR	0	0
	SRP/LCE/PMR	15	10
	MCE/SPM	72	48
	STPM	24	16
	SIJIL	21	14
	DIPLOMA	15	10
	IJAZAH SARJANAMUDA	3	2
	Lain-lain Kelayakan	0	0

Analisis daripada soal selidik pula, antara lain-lain pekerjaan tidak formal tersebut adalah jahitan, jualan aksesori kenderaan dan telefon bimbit, jualan tudung, jualan bahan mentah seperti ikan dan sayuran dan jualan tanaman. Pemerhatian ini dijalankan di sepanjang kawasan tepi jalan raya sepanjang bandar Gemas dan di pasar malam atau pasar tani yang terdapat di kawasan tersebut.

#### FAKTOR YANG MENDORONG GOLONGAN GENERASI MUDA MELIBATKAN DIRI DALAM PEKERJAAN TIDAK FORMAL

Rajah 1 menunjukkan faktor yang mendorong golongan generasi muda melibatkan diri dalam pekerjaan tidak formal. Penganalisaan faktor responden berkenaan, pengkaji telah meletakkan

beberapa komponen kenyataan khususnya dari segi sosial seperti pendidikan dan kemahiran serta dari segi ekonomi berkaitan dengan pendapatan. Oleh itu, responden akan menyatakan sama ada mereka bersetuju, tidak pasti mahupun tidak bersetuju. Hasil kajian yang ditunjukkan pada rajah di atas menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan dalam faktor pemilihan kerjaya responden.

#### PELUANG PEKERJAAN TERBUKA LUAS

Faktor peluang pekerjaan terbuka luas yang mencatatkan peratusan tertinggi ialah sebanyak 38 peratus, di mana responden menyatakan setuju dengan faktor ini. Seterusnya, 30 peratus menyatakan sangat setuju dengan peluang pekerjaan yang terbuka luas. Terdapat juga

JADUAL 3. Profil Pekerjaan Responden

Bil.	Profil Pekerjaan	Jumlah
1.	Bengkel Kenderaan	30
2.	Kedai Gunting Rambut	24
3.	Pemotong Rumput	3
4.	Jualan Pakaian Bundle	18
5.	Jualan Makanan	30
6.	Jualan Minuman	6
7.	Lain-lain	36
	Jumlah	150

responden yang menyatakan tidak pasti dengan pemilihan faktor ini iaitu sebanyak 22 peratus. Di samping, bagi tidak setuju dan sangat tidak setuju telah mencatatkan peratusan 8 peratus dan dua peratus bagi setiap masing-masing.

Oleh itu, secara majoritinya responden telah menunjukkan bahawa mereka bersetuju pemilihan kerjaya dalam sektor tidak formal kerana peluang pekerjaan yang terbuka luas. Faktor ini bermaksud, dalam pekerjaan tidak formal terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan untuk menjalankan perniagaan. Selain itu, responden juga boleh bermula pada usia yang lebih muda untuk terlibat dalam pekerjaan tidak formal. Mereka juga tidak terikat dengan mana-mana pihak atau organisasi yang membuatkan mereka mampu bekerja secara *fleksible*.

#### SESUAI DENGAN KELAYAKAN YANG DIMILIKI

Seterusnya, faktor yang menyatakan kesesuaian dengan kelayakan yang dimiliki oleh responden, majoriti mereka menyatakan setuju iaitu sebanyak 40 peratus daripada keseluruhannya. Manakala, 38 peratus lagi responden telah menyatakan tidak pasti untuk kenyataan kelayakan akademik yang dimiliki. 16 peratus responden pula telah menyatakan sangat setuju, dan selebihnya 8 peratus dan 2 peratus telah menunjukkan tidak setuju dan sangat tidak setuju bagi setiap masing-masing. Hasil keseluruhannya menunjukkan bahawa mereka bersetuju pemilihan kerjaya dalam sektor tidak formal kerana sesuai dengan kelayakan akademik yang dimiliki. Walaupun, pekerjaan tidak formal dianggap sebagai pekerjaan kelas bawahan dengan pendidikan yang rendah, namun responden menyatakan ia salah satu faktor untuk mereka terlibat dalam aktiviti ini. Walaubagaimanapun, terdapat juga responden yang melanjutkan pelajaran hingga ke IPTA/ PTS dan terlibat dalam pekerjaan tidak formal.


#### MEMPUNYAI DAN MAHU MENGGUNAKAN KEMAHIRAN YANG DIMILIKI

Hasil analisis faktor yang menyatakan responden mempunyai dan mahu menggunakan kemahiran yang dimiliki telah menunjukkan bahawa majoritinya menyatakan setuju dengan kenyataan tersebut iaitu sebanyak 44 peratus responden. Selain itu, 36 peratus pula menyatakan sangat setuju dan 14 peratus adalah tidak pasti. Manakala, selebihnya responden iaitu 4 peratus dan 2 peratus menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju.

Sesetengah aktiviti pekerjaan tidak formal akan memerlukan kemahiran untuk terlibat dalam aktiviti tersebut. Oleh itu, majoriti responden bersetuju bahawa penglibatan mereka dalam pekerjaan tidak formal kerana mahu menggunakan kemahiran yang mereka miliki. Antara aktiviti yang memerlukan kemahiran ialah seperti menggunting rambut dan di bengkel kenderaan. Maka, hasil analisis kajian pada demografi turut menunjukkan terdapat responden yang memiliki sijil kemahiran melalui pendidikan formal yang mereka pelajari.

#### TUJUAN MENIMBA PENGALAMAN

Seterusnya, analisis faktor pemilihan kerjaya dalam sektor tidak formal dengan tujuan untuk menimba pengalaman telah menunjukkan sebahagian responden iaitu sebanyak 56 peratus telah menyatakan setuju. Di samping itu, 32 peratus menunjukkan mereka sangat setuju dan 6 peratus adalah tidak pasti. Maka, responden yang selebihnya menunjukkan sangat tidak setuju sebanyak 4 peratus dan tidak setuju adalah 2 peratus. Secara keseluruhannya, hasil analisis responden menyatakan bahawa penglibatan mereka dalam sektor tidak formal kerana mahu menimba pengalaman. Hal ini menunjukkan, kebanyakan responden akan terlibat dalam sektor



RAJAH 1. Faktor yang mendorong golongan generasi muda melibatkan diri dalam pekerjaan tidak formal

formal bermula pada usia yang muda. Di samping itu, sektor tidak formal mempunyai pengalaman yang lebih besar tanpa limit kerana peluang pekerjaan atau aktiviti yang terbuka luas.

#### PENDAPATAN YANG SETIMPAL

Seterusnya, aspek pendapatan pula menunjukkan 48 peratus responden bersetuju menerima pendapatan yang setimpal dengan kerja yang dilakukannya. Hasil analisis turut menunjukkan bahawa 34 peratus responden sangat bersetuju, manakala 12 peratus adalah tidak pasti. Di samping itu, bagi item sangat tidak setuju dan tidak setuju telah menunjukkan peratusan sebanyak 4 peratus dan 2 peratus setiap masing masing.

Melalui temu bual secara tidak rasmi antara pengkaji dan responden semasa di lapangan, terdapat responden yang mengatakan bahawa pendapatan mereka meningkat berbanding sebelumnya. Namun, terdapat juga responden yang mengatakan bahawa pendapatan yang mereka perolehi kini dengan yang sebelumnya adalah sama. Namun, tiada responden yang mengatakan pendapatan mereka semakin berkurangan. Oleh itu, rata-rata responden menunjukkan bahawa mereka bersetuju melalui penglibatan dalam pekerjaan tidak formal mampu memberi pendapatan yang setimpal dengan kerja yang dilakukannya.

#### MINAT TERHADAP BIDANG YANG DICEBURI

Selain itu, faktor penglibatan golongan generasi muda dalam sektor tidak formal turut melibatkan

minat terhadap bidang yang diceburi. Contohnya, minat dalam perniagaan menunjukkan bahawa aktiviti tidak formal mampu menjadi langkah permulaan dalam bidang perniagaan tersebut. Permulaan modal yang kecil menyebabkan responden tidak perlu menanggung hutang yang lebih tinggi. Oleh itu, hasil analisis kajian menunjukkan 48 peratus sangat bersetuju penglibatan mereka dalam pekerjaan tidak formal adalah kerana minat. Seterusnya 40 peratus responden adalah bersetuju dan 10 peratus adalah tidak pasti. Namun begitu, 2 peratus daripada keseluruhan responden sangat tidak bersetuju dan tiada responden yang menyatakan tidak setuju dengan faktor ini. Maka, majoriti responden iaitu hampir separuh daripadanya menyatakan bahawa penglibatan mereka terhadap pekerjaan ini oleh kerana minat.

#### BIDANG ATAU PEKERJAAN INI DIMILIKI KELUARGA

Aspek penglibatan yang dipengaruhi oleh latar belakang keluarga turut ditanya dalam faktor pemilihan kerja dalam sektor tidak formal. Hal ini bertujuan, untuk melihat sama ada responden mempunyai kebergantungan terhadap keluarga ataupun tidak. Keadaan ini secara tidak langsung akan menjadi faktor penggerak penglibatan generasi muda dalam sektor tidak formal kerana dipengaruhi latar belakang sosio-ekonomi mereka. Oleh itu, hasil analisis yang pengkaji perolehi daripada lapangan menunjukkan bahawa 30 peratus responden tidak setuju bahawa pekerjaan yang

mereka ceburi dimiliki oleh keluarga. Sementara itu, jumlah responden yang menyatakan sangat tidak setuju, setuju dan sangat setuju mempunyai nilai peratusan yang sama iaitu 22 peratus bagi setiap masing masing. Maka, jumlah selebihnya iaitu 4 peratus responden menyatakan tidak pasti dengan pemilikan keluarga dalam bidang yang mereka ceburi. Majoritinya, penglibatan generasi muda di Gemas dalam pekerjaan tidak formal tidak dipengaruhi oleh latar belakang mereka.

#### TIDAK MENERIMA TEKANAN KETIKA BEKERJA

Seterusnya, dalam faktor tidak menerima tekanan telah menunjukkan bahawa hasil analisinya 38 peratus responden bersetuju dalam sektor tidak formal tidak menerima tekanan ketika bekerja. Hal ini demikian, majoriti mereka adalah bekerja sendiri tanpa melibatkan mana-mana organisasi. Oleh itu, cara atau tingkah laku kerja adalah bebas tanpa terikat dengan mana-mana peraturan. Walaubagaimanapun, 26 peratus daripada keseluruhan responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Kemungkinan tekanan dalam pekerjaan tidak formal yang mereka hadapi kerana kebergantungan kerja dan daptan adalah sepenuhnya kepada individu tersebut. Manakala, 20 peratus responden sangat setuju dan 12 peratus menyatakan tidak pasti. Akhirnya, sebanyak 4 peratus responden menunjukkan sangat tidak setuju yang menyatakan tidak menerima tekanan ketika bekerja.

#### PENGARUH ATAU AJAKAN RAKAN

Hasil analisis faktor penglibatan responden dalam pekerjaan tidak formal turut menyatakan berkaitan dengan pengaruh atau ajakan rakan untuk keterlibatan bersama. Dapatkan daripada lapangan menunjukkan bahawa, majoriti responden iaitu 36 peratus tidak setuju penglibatan mereka dipengaruhi oleh rakan. Namun, yang paling hampir dengananya iaitu 34 peratus daripada jumlah keseluruhan adalah bersetuju, mereka terlibat dalam pekerjaan tidak formal kerana ajakan rakan. Seterusnya, 16 peratus adalah tidak pasti dan 8 peratus menyatakan sangat setuju. Baki 6 peratus responden sangat tidak setuju penglibatan mereka dipengaruhi oleh rakan. Oleh itu, secara keseluruhannya hampir separuh daripada jumlah responden menunjukkan rakan bukanlah faktor untuk mereka terlibat dalam pekerjaan tidak formal.

## RUMUSAN

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji faktor pemilihan kerjaya generasi muda di Gemas dalam pekerjaan sektor tidak formal. Menurut Ahmad Che Yaacob (2011), mengandaikan pemilihan kerjaya individu adalah berdasarkan aspek personaliti yang dimiliki, namun harus sesuai dengan keadaan persekitaran supaya dapat menggunakan kemahiran yang dimiliki. Malahan inisiatif yang dimainkan oleh sesebuah kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi, sosial dan politik rakyatnya yang bergantung kepada keadaan geografi. Justeru, pemilihan kerjaya yang dibuat oleh golongan generasi muda akan mempengaruhi keadaan sosioekonomi mereka. Maka, kerajaan haruslah membentuk inisiatif supaya generasi muda mempunyai kestabilan sosioekonomi melalui kerjaya yang dipilih.

Penglibatan dalam sektor tidak formal sememangnya mewujudkan pelbagai pilihan aktiviti atau kerjaya untuk diceburi. Secara majoritinya, pekerjaan tidak formal yang diceburi oleh generasi muda di Gemas adalah berkaitan dengan perbengkelan kenderan, jualan makanan dan minuman, aktiviti kampung dan sebagainya. Di samping itu, aktiviti ini turut dijalankan di kawasan tepi jalan sepanjang 20km kawasan pinggirannya hingga ke bandar Gemas serta di tapak-tapak jualan di pasar tani mahupun di pasar malam. Justeru, majoriti responden akan berulang alik antara rumah ke tempat kerja kerana merupakan penduduk di dalam kawasan bandar tersebut dan di kawasan luar bandar yang menjalankan aktiviti perniagaan di Gemas. Seterusnya, mereka juga menetap bersama keluarga bagi mengurangkan kos sara hidup seperti untuk membayar kos sewaan rumah serta bil utiliti. Oleh itu, pada pendapat mereka lebih selesa untuk berulang alik walaupun menetap bersama keluarga kerana perjalanan hanya dalam jarak 5km hingga 20km dan memakan masa kurang daripada 20 minit untuk ke tempat kerja.

Pekerjaan tidak formal tidak mempunyai waktu yang ditetapkan, maka jadual atau masa bekerja mereka lebih fleksible berbanding mereka yang terlibat dalam sektor formal. Secara puratanya, masa bekerja generasi muda di Gemas dalam sehari ialah selama 8 jam 20 minit sahaja dan dalam tempoh seminggu masa bekerja mereka adalah 52 jam 10 minit. Justeru, kebanyakkannya mereka akan memaksimumkan waktu bekerja selama 12 jam dalam sehari dan 72 jam dalam masa tempoh seminggu. Hal ini demikian, tempoh masa bekerja

mereka akan mempengaruhi pendapatan yang diperolehi kerana semakin lama tempoh mereka bekerja, semakin besar peluang atau pendapatan yang mereka perolehi. Walaupun tempoh masa bekerja masa yang panjang, namun permulaan modal untuk terlibat dalam pekerjaan ini adalah rendah iaitu antara RM500 hingga RM2501. Oleh itu, berdasarkan analisis yang pengkaji perolehi, permulaan modal yang digunakan generasi muda hanyalah RM500 dan ke bawah sahaja.

Objektif kajian yang dibentuk perlu dicapai dengan melihat beberapa indikator yang mendorong generasi muda untuk terlibat dalam pekerjaan tidak formal khususnya di Gemas. Justeru, dalam objektif pertama pengkaji turut melihat kepada faktor yang mendorong generasi muda untuk terlibat dalam pekerjaan tidak formal. Melalui pemerhatian yang dilakukan peluang pekerjaan yang luas tanpa melihat kepada tahap pendidikan adalah faktor penting yang menggalakkan generasi muda terlibat dalam sektor ini. Hal ini demikian, walaupun mereka mempunyai pendidikan yang rendah namun, pekerjaan tidak formal mampu memberikan mereka peluang pekerjaan dengan hasil pendapatan yang lumayan. Di samping itu, mereka juga tidak perlu membayar sewa tapak yang mahal kerana jualan yang mereka lakukan hanyalah di bawah khemah dan memerlukan kawasan yang sesuai untuk jualan sahaja. Walaupun penglibatan generasi muda ini tidak mementingkan pendidikan, namun mereka mempunyai kemahiran untuk digunakan bagi mendapatkan kepuasan dalam pekerjaan serta meningkatkan kestabilan kerjaya (Jaafar 2003). Kepuasan yang dimiliki juga menyebabkan responden merasakan bahawa pendapatan yang dimiliki adalah sertimpal dengan kerja yang dilakukannya. Justeru, faktor utama yang pengkaji rasakan sebagai penggalak dalam penglibatan geneasi muda dalam sektor tidak formal ialah kerana minat dan latar belakang keluarga yang dimiliki. Oleh itu, melalui pemerhatian daripada analisis menunjukkan bahawa responden yang mempunyai minat dalam sektor ini, rata-ratanya mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dalam pekerjaan tidak formal seperti ibu bapa, kakak dan abang. Maka, pendedahan yang diberikan sejak awal telah menghalakan kecenderungan kepada bidang tersebut (Ahmad Che Yaacob 2001). Oleh itu, tidak wujudnya pengaruh rakan-rakan dalam pemilihan kerjaya seseorang seperti yang terdapat dalam hasil kajian.

Seterusnya, dalam objektif kedua berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan bulanan yang

digunakan oleh responden. Secara umumnya, dari segi konsep pekerjaan tidak formal merupakan sebuah ekonomi yang dikatakan mempunyai pendapatan yang kecil (Ismail Stapa 2002). Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh responden secara keseluruhannya ialah antara RM1000 hingga RM2501, namun secara majoritinya pendapatan bulanan yang diterima hasil daripada pekerjaan tidak formal yang dilakukan ialah sebanyak RM1001 hingga RM1500 sahaja. Berdasarkan daripada pada pendapatan yang diperolehi, pengkaji akan melihat pula kepada perbelanjaan yang dibuat oleh mereka. Hal ini demikian, melalui pemerhatian secara tidak langsung di media sosial mendapati, walaupun mereka bekerja dalam sektor tidak formal yang memperolehi pendapatan yang rendah, namun terdapat golongan generasi muda yang mengamalkan gaya hidup mewah. Oleh itu, generasi muda harus mengetahui antara keperluan dan kehendak supaya tidak wujudnya kemiskinan dalam kalangan generasi muda. Jika dilihat daripada aspek keperluan, sesetengah responden merasakan rumah adalah satu bentuk keperluan, namun hanya untuk mereka yang sudah berkahwin sahaja. Hasil analisis yang diperolehi menunjukkan rata-rata generasi muda tidak membayar sewaan rumah kerana menetap bersama keluarga. Namun, generasi muda yang sudah berkahwin akan membayar sewa rumah dan majoritinya adalah mereka yang berpendapatan RM1501 hingga RM2000 sahaja. Walaupun, sesetengah responden menetap bersama keluarga dan tidak membayar sewaan rumah, namun mereka membantu meringankan beban ibu bapa dengan membayar bil utiliti seperti elektrik dan air. Hal ini menunjukkan bahawa, responden mempunyai tanggungjawab untuk membantu dan tidak semata-mata bergantung kepada ibu bapa sahaja. Jika dilihat melalui simpanan pula, generasi muda haruslah membuat simpanan sekurang-kurang 30 peratus daripada hasil pendapatan mereka. Tetapi, dalam konteks sektor tidak formal yang mempunyai pendapatan yang tidak tetap, secara majoritinya responden akan menabung sekurang-kurangnya 10 peratus hasil daripada pendapatan. Oleh itu, keseluruhan responden menyatakan setuju membuat simpanan tersebut untuk kepentingan masa hadapan mereka.

Selain itu, pengkaji juga melihat daripada sudut perbelanjaan peribadi di mana berkaitan dengan perbelanjaan pakaian, set penjagaan diri, dan kegunaan media sosial mereka. Untuk perbelanjaan dari segi pakaian, responden menyatakan bahawa mereka tidak setuju untuk membuat perbelanjaan

terhadap pakaian pada setiap bulan gaji kerana bukanlah sesuatu keperluan yang sangat penting baginya. Jika dilihat dari segi jumlah responden yang membuat perbelanjaan untuk membeli data internet yang paling maksimum pula menunjukkan adalah bergantung kepada peringkat umur. Hal ini demikian, jumlah responden yang paling tertinggi adalah yang berumur 21 tahun hingga 25 tahun. Pada peringkat umur begini, mereka akan membeli data internet yang paling maksimum untuk kegunaan media sosial berbanding mereka berumur 26 tahun hingga 40 tahun. Mereka melayari media sosial seperti facebook, instagram, twitter dan whatsapp apabila mempunyai masa terluang. Seterusnya, bagi golongan generasi muda penjagan diri juga sangat penting untuk kelihatan lebih kemas. Oleh itu, hasil analisis kajian ini menunjukkan majoriti responden akan membuat perbelanjaan untuk kesihatan dan penjagaan diri untuk setiap bulan. Namun, responden haruslah berpada-pada dalam perbelanjaan tersebut kerana terdapat sesetangah masyarakat yang obses kepada kecantikan sehingga sanggup berbelanja hingga beribu-ribu ringgit untuk kecantikan.

Perbelanjaan yang seterusnya ialah berkaitan dengan pembiayaan pinjaman sama ada untuk pembiayaan ansuran kenderaan atau pembiayaan pinjaman balik pendidikan. Kebanyakan generasi muda memikirkan bahawa memiliki kereta apabila sudah bekerja merupakan satu keperluan, namun keperluan tersebut akan bertukar kepada kehendak apabila mereka membuat pinjaman untuk membeli kenderaan yang melebihi kemampuan mereka. Oleh itu, menyebabkan mereka terpaksa membayar hutang yang tinggi dengan pendapatan yang rendah. Walaupun, majoriti responden yang terlibat dalam sektor tidak formal akan memiliki pendidikan yang rendah, namun terdapat segelintir graduan sama ada di peringkat diploma atau ijazah yang melibatkan diri dalam sektor ini selepas tamat belajar. Mereka berpendapat bahawa pengangguran yang berlaku kerana persaingan untuk mendapat pekerjaan yang sengit selepas tamat belajar adalah sesuatu perkara yang sia-sia. Maka, responden mengambil alternatif dengan terlibat dalam sektor tidak formal kerana minat yang dimiliki dalam bidang perniagaan. Selain itu, ini juga merupakan peluang untuk graduan mencari pendapatan untuk membayar pinjaman yang dibuat berbanding menganggur tanpa mendatangkan hasil. Seterusnya, hasil analisis daripada kajian ini turut menunjukkan bahawa generasi muda membuat perbelanjaan untuk penyelenggaraan kenderaan

yang mereka miliki. Hal ini demikian, kenderaan tersebut digunakan untuk berulanng-alik untuk ke tempat kerja. Justeru, melalui keseluruhan perbelanjaan yang dilakukan adalah sesuai dengan pendapatan yang diperolehi. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa perbelanjaan yang mengikut keperluan adalah mencukupi walaupun pendapatan yang diperolehi adalah kecil.

Pada objektif ketiga, pengkaji membuat cadangan untuk meningkatkan kesedaran generasi muda berkaitan dengan pendidikan. Generasi muda kini berpendapat bahawa pendidikan bukanlah sesuatu yang penting untuk memajukan diri mereka kerana pekerjaan dalam sektor tidak formal tidak mementingkan pendidikan. Oleh itu, hasil analisis kajian menunjukkan bahawa generasi muda di Gemas lebih berminat untuk bekerja berbanding melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi. Hal ini demikian, mereka merasakan bahawa pekerjaan dalam sektor tidak formal mampu memberikan peluang yang lebih luas berbanding melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi yang kemudiannya akan menanggung hutang pendidikan yang tiggi atau masalah pengangguran. Walaubagaimanapun, generasi muda perlu mengetahui terdapat pelbagai dasar atau inisiatif kerajaan yang dapat membantu golongan generasi muda untuk melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi. Dasar dan inisiatif ini dibentuk supaya generasi muda tidak lagi berfikiran keterbelakang kerana pendidikan dapat membantu menstabilkan sosioekonomi masyarakat. Oleh itu, pendidikan ini perlu dilihat dari sudut yang positif yang lebih banyak mendatangkan manfaat berbanding negatifnya yang hanya kecil sahaja. Seterusnya, kepentingan pendidikan salah satunya ialah menjamin kestabilan kualiti hidup dan taraf ekonomi individu. Oleh itu, masyarakat perlu mengetahui bahawa melalui pendidikan dapat membantu generasi muda untuk lebih berinovasi bagi memajukan diri mereka.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pemilihan kerjaya dalam sektor tidak formal oleh golongan generasi muda dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor utama yang menyumbang kepada keputusan ini ialah minat dan latar belakang keluarga yang dimiliki, menyebabkan mereka terdedah kepada aktiviti tersebut sehingga mampu mencederungkan diri dalam bidang tersebut. Walaubagaimanapun, pendidikan tidak seharusnya dipandang rendah oleh

golongan generasi muda kerana tahap pendidikan mempunyai hubungan positif dengan kualiti hidup dan taraf ekonomi sesebuah masyarakat. Generasi muda harus mengambil peluang untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi dengan pelbagai inisiatif yang diberikan oleh pihak kerajaan. Kajian ini menunjukkan, generasi muda yang terlibat dalam sektor tidak formal hanyalah untuk mendapatkan pengalaman dalam perniagaan tanpa mempunyai kesedaran untuk memajukan diri dengan pendidikan. Oleh yang demikian, galakkan kepada golongan generasi muda untuk mencapai pendidikan ke tahap yang lebih tinggi harus dititikberatkan. Akhirnya, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kerajaan dan masyarakat tentang cabaran yang dihadapi oleh golongan generasi muda serta kesan tahap pendidikan kepada kemajuan masyarakat dan negara.

#### PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Geran Penyelidikan FRGS/1/2019/SS07/UKM/02/2 dan kerana membiayai kajian ini. Kami juga berterima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri Malaysia yang telah memberi geran penyelidikan kajian Forensik Sosio-Elektronik, Persekitaran dan Pembangunan 2017 (SK-2017-002) yang merupakan penyumbang dana bagi penerbitan artikel ini.

#### RUJUKAN

- Ahmad, C. Y. & Abdul Halim, R. 2001. *Teori Pemilihan Kerjaya dan Faktor-Faktor yang mempengaruhi Pemilihan Kerjaya*. Universiti Teknologi Mara
- Buerah, T. & Zoolhilmi, A. 2015. Pengaruh faktor latar belakang terhadap orientasi sikap keusahawanan dalam kalangan usahawan belia bumiputera Muslim. *Akademika* 85(2) 2015:29-43.
- Helmi. 2004. *Sistem Sokongan Bagi Perniagaan Kecil*. PTS Media Group. <https://pts.com.my/index.php/berita/sistem-sokongan-bagi-perniagaan-kecil> Diakses pada: 10.12.2019.
- Jaafar, R. 2003. *Keserasian Personaliti Pelajar dengan Kerjaya Agen Pengembangan*. Universiti Tun Hussein Onn.
- Katty, H. J. W., Ti, C. Y., & Janice, L. N. N. 2015. *Kemiskinan dan Pendidikan: Kesan dan Cabaran dalam Kalangan Belia Malaysia*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Negara.
- Komara, E. 2010. *Filsafat Ilmu dan Metodologi Penelitian*. Bandung: Refika Aditama.
- Mahanum, A. A. 2017. Generasi muda gemar bekerja secara bebas. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2017/10/342256/generasi-muda-gemar-bekerja secara-bebas>
- MALAYSIA. 2016. *Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016- 2020*. Kementerian Pendidikan Tinggi
- MALAYSIA. 2018. *Statistik Utama Tenaga Buruh, Malaysia, Suku Pertama (S1)*, 2018. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Masriani, M. 2001. *Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor yang berkaitan pemilihan Kerjaya Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Batu Pahat*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Maziah, C. Y. 2005. *Kajian Kecenderungan Kerjaya dalam kalangan Siswazah*. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Mohd Fuad, M. J. & Junaidi, A. B. 2012. *Pendapatan Keperluan Generasi Muda di Kawasan Parlimen Muar, Johor*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Taib, D. 1993. *Peranan Sektor Tak Formal dalam Konteks Pembangunan Ekonomi di Bandar: Kes Penjual Ubat kaki Lima*. Universiti Teknologi Malaysia
- Myrdal, G. 1985. *Objektivitas Penelitian Sosial*. Jakarta.
- Nor Shafrin, A. & Ahmad Amin, M. S. 2010. *Pendedahan Maklumat Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nur Syahidah, A. J. 2011. Menangani kenaikan kos sara hidup, *Utusan Malaysia*.
- Nurakmar Afflin, S. 2017. *Pengaruh Faktor Sosial dalam Sektor Perniagaan Mikro Kajian Kes: Belia Wanita di Bansae Tanah Merah Kelantan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Purwantoro, A. 1997. *Pembaharuan Linguistik Jurgen Habermas dalam Tradisi Teori Kritis*. Jakarta: STF Driyarkara. Jakarta.
- Rohana, Y. 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Rosaini, M. 2009. *Kegiatan Ekonomi Informal: Satu Kajian Kes di Gaya Street Kota Kinabalu*. Universiti Malaysia Sabah.
- Rosna, M. & Norasmah, O. 2018. Korelasi efikasi kendiri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan pelajar pra-universiti. *Akademika* 88(2): 59-70
- Rosniza Aznie, CR., Nurul Fatihah, J., Rosmiza, MZ., Lyndon, N. & Mokhtar J. 2015. *Perkembangan dan Cabaran Sektor Perniagaan sebagai pemangkin pembangunan Bandar Kecil: Kajian Empirikal di Daerah Besut Terengganu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Farahiyah, A. 2016. Kerja atau belajar? *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/node/125331>. Diakses pada: 10.12.2019.
- Suseno, F. M. 1997. *Ringkasan Sejarah Marxisme dan Komunisme*. Jakarta: STF Driyarkara.

Trump, D. J. 2006. *Trump 101: The Way to Success.* John Willey & Sons, Inc.  
Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang & Ibrahim Mamat.  
2019. Faktor-faktor penentu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Akademika* 89(2): 3-15.

Rosniza Aznie Che Rose (corresponding Author)  
Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial, dan Persekutaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor  
Malaysia  
Email: aznie@ukm.edu.my

Hanis Misrin  
Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial, dan Persekutaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor  
Malaysia  
Email: hanismisrin01@gmail.com

Noordeyana Tambi  
Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial, dan Persekutaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor  
Malaysia  
Email: deyana@ukm.edu.my

Junaidi Awang Besar  
Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial, dan Persekutaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor  
Malaysia  
Email: jab@ukm.edu.my

Received: 10 November 2019  
Accepted: 18 March 2020